Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Tunai GXBank Biz FlexiLoan

(Tarikh Berkuat Kuasa: 1 November 2026)

1. General

1.1 Kempen Ganjaran Tunai GXBank Biz FlexiLoan ("**Kempen**") dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("**GXBank**") akan berlangsung dari **1 November 2026 hingga 31 Disember 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) atau sebaik sahaja Ganjaran Kempen telah mencapai Had Maksimum, atau seperti yang ditentukan oleh GXBank dengan notis terlebih dahulu ("**Tempoh Kempen**").

1.2 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Tunai GXBank Biz FlexiLoan ("**Terma dan Syarat**") dan mengakui bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank mengenai Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1.3 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Meliputi Produk dan Perkhidmatan Perbankan Perniagaan GXBank serta Terma Penggunaan.

2. Kelayakan

2.1 Untuk layak untuk menyertai Kempen ini, anda (secara kolektif, "**Perniagaan yang Layak**", atau "**anda**") mesti memenuhi semua kriteria berikut (secara kolektif, "**Kriteria Kelayakan**"):

(a) anda adalah pelanggan Biz FlexiLoan yang aktif dan sedia ada dengan GXBank (seperti yang ditakrifkan di bawah), serta mempunyai had kredit yang aktif sepanjang Tempoh Kempen;
(b) anda mengekalkan Akaun GX Biz dan/atau GX Biz FlexiLoan yang aktif dan dalam keadaan yang baik;
(c) anda tidak mengalami kegagalan pembayaran bagi mana-mana kemudahan pembiayaan atau obligasi kepada GXBank sepanjang Tempoh Kempen sehingga tarikh pemberian ganjaran.

2.2 Perniagaan berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen:

(a) perniagaan yang GX Biz Account dan/atau Biz FlexiLoannya telah ditamatkan, dibekukan, ditutup, digantung, diklasifikasikan sebagai delinkuen/ bayaran lewat, atau dianggap tidak dijalankan dengan memuaskan oleh GXBank pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
(b) perniagaan (termasuk pemilik, rakan kongsi, pengarah atau wakil yang diberi kuasa mereka, jika berkenaan) yang telah melakukan atau disyaki oleh GXBank melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan atau kempen GXBank;
(c) perniagaan yang pemiliknya atau wakil yang diberi kuasa (jika berkenaan) telah meninggal dunia, diisythiharkan muflis, hilang upaya mental atau tertakluk kepada sebarang prosiding undang-undang yang sedang berjalan;
(d) perniagaan yang menjadi subjek kepada sebarang prosiding undang-undang sebenar atau terancam, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggulungan, penerimaan, pengurusan kehakiman, atau prosiding insolvensi, atau apa-apa prosiding lain yang, pada pendapat GXBank, boleh menjejaskan kedudukan kewangan perniagaan atau kelayakannya untuk menyertai Kempen.

3. Kriteria Kelayakan

3.1 Kempen ini terdiri daripada dua (2) kategori ganjaran berikut:

No.	Kategori Ganjaran	Kriteria Kelayakan	Perniagaan yang Layak
(a)	**Kategori Ganjaran 1**	Ganjaran tunai RM600	Pelanggan yang **tidak mempunyai sebarang pengeluaran dana** sebelum Tempoh Kempen.
(b)	**Kategori Ganjaran 2**	Ganjaran tunai RM388	Pelanggan yang **mempunyai transaksi pengeluaran dana** sebelum Tempoh Kempen.

3.2 Untuk melayakkan diri bagi Ganjaran Kempen yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 di bawah, Perniagaan yang Layak mestilah memenuhi kriteria berikut sepanjang Tempoh Kempen ("Kriteria Kelayakan"):

No.	Kategori Ganjaran	Kriteria Kelayakan
(a)	**Kategori Ganjaran 1** **(Ganjaran tunai RM600)**	1. Anda mestilah pelanggan GX Biz FlexiLoan yang aktif dan tidak pernah melakukan pengeluaran dana sebelum Tempoh Kempen. 2. Anda mesti membuat satu pengeluaran dana dengan jumlah minimum RM3,000 daripada had GX Biz FlexiLoan anda yang tersedia dalam Tempoh Kempen. *(Nota: Bagi pelanggan yang mempunyai had kredit yang diluluskan kurang daripada RM3,000, kelayakan memerlukan pengeluaran 100% daripada had yang tersedia).* 3. Anda mesti melengkapkan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat selepas tarikh pengeluaran pinjaman yang melayakkan. 4. Anda mesti membuka dan mengekalkan GX Biz Akaun yang aktif dan dalam keadaan baik sepanjang Tempoh Kempen sehingga tarikh ganjaran dikreditkan.
(b)	**Kategori Ganjaran 1** **(Ganjaran tunai RM388)**	1. Anda mestilah pelanggan GX Biz FlexiLoan yang aktif dan pernah melakukan sekurang -kurangnya satu pengeluaran dana sebelum Tempoh Kempen. 2. Anda mesti membuat satu pengeluaran dana dengan jumlah minimum RM3,000 daripada had

		GX Biz FlexiLoan anda yang tersedia dalam Tempoh Kempen. *(Nota: Bagi pelanggan dengan had tersedia kurang daripada RM3,000, kelayakan memerlukan pengeluaran 100% daripada baki had yang tersedia).* 3. Anda mesti melengkapkan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat selepas tarikh pengeluaran pinjaman yang melayakkan. 4. Anda mesti membuka dan mengekalkan GX Biz Akaun yang aktif dan dalam keadaan baik sepanjang Tempoh Kempen sehingga tarikh ganjaran dikreditkan.

4. Ganjaran dan Mekanik Kempen

4.1 Perniagaan yang layak, yang memenuhi kedua-dua Kriteria Kelayakan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.1 di atas) dan Kriteria Kelayakan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di atas) sepanjang Tempoh Kempen, akan layak untuk menerima salah satu atau kedua-dua ganjaran kempen berikut (mengikut keadaan) (setiap satunya dirujuk sebagai "**Ganjaran Kempen**" dan secara kolektif sebagai "**Ganjaran-ganjaran Kempen**"):

Ganjaran Kempen	Mekanik
Kategori Ganjaran 1	
Ganjaran tunai RM600	(a) Setiap Perniagaan yang Layak **(profil yang belum pernah membuat pengeluaran dana)** hanya berhak menerima **satu (1) Ganjaran Tunai RM600** sepanjang Tempoh Kempen setelah memenuhi semua Kriteria Kelayakan, tanpa mengira bilangan pengeluaran yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen tersebut. (b) Ganjaran Tunai akan dikreditkan terus ke dalam GX Biz Akaun yang layak yang aktif. (c) Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke GX Biz Akaun dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa 3.2(a) di atas dipenuhi. Dalam kes yang luar biasa, ia mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu untuk ganjaran wang tunai dikreditkan.
Kategori Ganjaran 2	
Ganjaran tunai RM388	(a) Setiap Perniagaan yang Layak **(profil yang pernah**

	melakukan pengeluaran dana) hanya berhak menerima satu (1) Ganjaran Tunai RM388 sepanjang Tempoh Kempen setelah memenuhi semua Kriteria Kelayakan, tanpa mengira bilangan pengeluaran dana yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen tersebut. (b) Ganjaran Tunai akan dikreditkan terus ke dalam GX Biz Akaun yang layak yang aktif. (c) Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke GX Biz Akaun dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa 3.2(a) di atas dipenuhi. Dalam kes yang luar biasa, ia mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu untuk ganjaran wang tunai dikreditkan.

4.2 Setiap Perniagaan yang Layak berhak menerima maksimum satu (1) Ganjaran Kempen sahaja (sama ada di bawah Kategori Ganjaran 1 atau Kategori Ganjaran 2) sepanjang Tempoh Kempen setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan, tanpa mengira bilangan atau jumlah nilai pengeluaran dana yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen tersebut.

4.3 Walau apa pun peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, GXBank telah menetapkan had maksimum pada jumlah pembayaran ganjaran kempen untuk Kempen ini ("**Had Maksimum**"). Apabila Had Maksimum telah dicapai, GXBank berhak untuk segera menghentikan pemberian sebarang Ganjaran Kempen selanjutnya dan/atau menamatkan Kempen tanpa notis terlebih dahulu. GXBank tidak akan bertanggungjawab untuk memaklumkan Perniagaan yang Layak apabila Had Maksimum telah dicapai.

4.4 Jika GXBank kemudiannya menentukan bahawa Perniagaan yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Kempen, tidak memenuhi Kriteria Kelayakan, atau terdapat kesilapan dalam pengkreditan Ganjaran Kempen, GXBank berhak untuk menolak, meminda, melaraskan atau menarik balik Ganjaran Kempen. Jika Ganjaran Kempen telah dikreditkan, GXBank boleh mendebitkan jumlah yang setara daripada Akaun GX Biz Perniagaan Yang Layak. Jika baki Akaun GX Biz Perniagaan yang Layak tidak mencukupi, Perniagaan yang Layak mesti membayar balik GXBank untuk jumlah penuh atas permintaan. Kegagalan untuk membayar balik jumlah tersebut akan melayakkan GXBank untuk memulakan prosiding undang-undang terhadap Perniagaan yang Layak untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak, dan semua kos tambahan yang ditanggung berkaitan dengannya akan ditanggung oleh Perniagaan yang Layak.

4.5 GXBank berhak untuk (a) membatalkan kelayakan Perniagaan yang Layak daripada menyertai Kempen, (b) menolak untuk mengkreditkan atau membatalkan pengkreditan Ganjaran Kempen, atau menarik balik, atau menolak/mendebitkan jumlah yang setara dengan Ganjaran Kempen daripada Akaun GX Perniagaan yang Layak, dan/atau (c) mengambil sebarang tindakan lain yang perlu terhadap Perniagaan yang Layak, termasuk tindakan undang-undang, jika:

4.5.1 GXBank menentukan bahawa Pihak Perujuk dan Pihak yang Dirujuk tidak mematuhi Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat GXBank yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Perniagaan;

4.5.2 Pihak Perujuk atau Pihak yang Dirujuk didapati atau disyaki mengganggu Kempen atau prosesnya, termasuk sebarang aktiviti penipuan yang melibatkan penipuan atau pembohongan;

4.5.3 Terdapat operasi, penggunaan, atau ketidakaktifan/dormansi yang tidak teratur atau tidak wajar bagi Akaun GX Pihak Perujuk atau Pihak yang Dirujuk;

4.5.4 Pihak Perujuk atau Pihak yang Dirujuk terlibat dalam tindakan penipuan atau tidak jujur, atau berkelakuan dengan niat jahat untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil ke atas GXBank, rakan kongsinya atau penyedia perkhidmatan; dan/atau

4.5.5 Sebarang peristiwa yang berlaku yang memberi GXBank hak untuk menggantung atau menamatkan mana-mana atau semua produk atau perkhidmatannya, seperti yang digariskan dalam Terma dan Syarat GXBank yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Perniagaan.

4.6 Ilustrasi kelayakan untuk menerima Ganjaran Kempen dibentangkan dalam Jadual 1 di bawah.

Kategori Ganjaran 1 (Ganjaran Tunai RM600)		
No.	**Ilustrasi**	**Kelayakan Ganjaran Kempen**
1	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Melakukan satu pengeluaran dana berjumlah RM10,000 dalam Tempoh Kempen dan melengkapkan dua (2) bayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.	**Layak untuk Kategori Ganjaran 1.** Ganjaran tunai RM600.
2	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Mempunyai had kredit yang diluluskan sebanyak RM2,500 (kurang daripada RM3,000). Membuat pengeluaran penuh 100% berjumlah RM2,500 dalam Tempoh Kempen dan menyelesaikan dua (2) bayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.	
3	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Mempunyai had tersedia sebanyak RM10,000 tetapi melakukan satu pengeluaran berjumlah RM2,000 dalam Tempoh Kempen.	**Tidak layak untuk Kategori Ganjaran 1.** Tidak memenuhi syarat pengeluaran tunggal minimum sebanyak RM3,000.
4	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:**	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 1.**

	Melakukan satu pengeluaran dana berjumlah RM5,000 pada 5 Januari 2027 (selepas Tempoh Kempen).	Pengeluaran dana telah dilakukan di luar Tempoh Kempen.
5	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Melakukan satu pengeluaran berjumlah RM8,000, namun terlepas pembayaran balik bulanan yang pertama.	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 1.** Tidak memenuhi syarat dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut yang dibuat tepat pada masanya.
6	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Melakukan pengeluaran dana sebanyak RM10,000 dan memenuhi syarat pembayaran balik, tetapi menutup GX Biz Akaun sebelum ganjaran dikreditkan.	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 1.** Perlu mengekalkan GX Biz Akaun yang aktif dan dalam status baik sehingga tarikh pengkreditan ganjaran.
7	**Pelanggan yang belum pernah melakukan pengeluaran dana:** Memenuhi semua kriteria pengeluaran dan pembayaran balik dalam Tempoh Kempen, namun jumlah terkumpul ganjaran kempen telah mencapai Had Maksimum.	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 1.** Ganjaran adalah tertakluk kepada had maksimum jumlah peruntukan belanjawan Ganjaran Kempen.
Kategori Ganjaran 2 (Ganjaran Tunai RM388)		
No.	**Ilustrasi**	**Kelayakan Ganjaran Kempen**
1	**Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini:** Telah membuat pengeluaran sebelum ini pada 20 Ogos 2026. Membuat pengeluaran dana tambahan sebanyak RM5,000 dalam Tempoh Kempen dan menyelesaikan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.	**Layak untuk Kategori Ganjaran 2.** Ganjaran tunai RM388.
2	Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini: Mempunyai baki had tersedia sebanyak RM1,500. Membuat pengeluaran penuh 100% berjumlah RM1,500 dalam Tempoh Kempen dan menyelesaikan dua (2) pembayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.	
3	**Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini:**	

	Telah membuat pengeluaran dana dan seterusnya menyelesaikan sepenuhnya kemudahan pinjaman tersebut sebelum atau semasa Tempoh Kempen. Membuat pengeluaran pinjaman baharu sebanyak RM3,000 dalam Tempoh Kempen serta melengkapkan dua (2) bayaran balik bulanan berturut-turut tepat pada masanya.	
4	**Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini:** Melakukan pengeluaran dana sebanyak RM4,000 pada 5 November 2026 dan pengeluaran dana kedua sebanyak RM10,000 pada 20 November 2026. Menyelesaikan semua pembayaran balik yang ditetapkan tepat pada masanya.	**Layak untuk Kategori Ganjaran 2.** Layak menerima **satu (1) ganjaran tunai RM388** *(maksimum 1 ganjaran bagi setiap pelanggan sepanjang Tempoh Kempen).*
5	**Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini:** Memenuhi semua kriteria pengeluaran dan pembayaran balik dalam Tempoh Kempen, namun jumlah terkumpul ganjaran kempen telah mencapai Had Maksimum.	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 2.** Ganjaran adalah tertakluk kepada had maksimum jumlah peruntukan belanjawan Ganjaran Kempen.
6	Pelanggan yang pernah membuat pengeluaran dana sebelum ini: Melakukan pengeluaran dana sebanyak RM5,000, namun mempunyai kemudahan GX Biz FlexiLoan yang ditandakan atau diklasifikasikan sebagai tertunggak di bawah dasar risiko dalaman GXBank.	**Tidak Layak untuk Kategori Ganjaran 2.** Akaun mestilah sentiasa dalam status baik.

5. Terma dan Syarat Umum

5.1 Dengan menyertai Kempen ini, anda memberi persetujuan kepada pengumpulan, pemprosesan, dan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank selaras dengan Dasar Privasi Data GXBank. Selain itu, anda juga bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank untuk:

(a) Tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini; dan
(b) Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh GXBank, yang mungkin melibatkan pelbagai bentuk pengiklanan dan publisiti melalui media seperti surat khabar, televisyen, radio, dan platform dalam talian. Ini boleh melibatkan penggunaan butiran daripada penyertaan anda, bahan wawancara, maklum balas, dan gambar yang berkaitan. Anda juga bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini.

5.2 Kecuali dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan sebarang promosi GXBank yang lain, dan tiada ganjaran tambahan akan ditawarkan.

5.3 Rekod transaksi yang disimpan oleh GXBank dan keputusan yang dibuat oleh GXBank mengenai Kempen ini adalah muktamad dan sah. GXBank tidak diwajibkan memberikan alasan atau menjalankan surat-menyurat berkaitan sebarang perkara berkaitan Kempen ini.

5.4 Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, dan kecuali disebabkan oleh kecuaian berat atau salah laku yang disengajakan oleh GXBank, GXBank menafikan dan mengecualikan sebarang penyataan atau jaminan (sama ada nyata atau tersirat, bertulis atau lisan) mengenai Kempen ini. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan kualiti, kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan mana-mana yang disebut dalam media massa, pemasaran, atau bahan pengiklanan.

5.5 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa GXBank tidak bertanggungjawab jika ia tidak dapat memenuhi sebarang kewajipan, sepenuhnya atau sebahagiannya, disebabkan oleh keadaan di luar kawalan GXBank. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kegagalan peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, saluran transmisi, masalah elektrik, pertikaian perindustrian, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, kejadian force majeure, atau sebarang faktor lain di luar kawalan GXBank.

5.6 GXBank, pegawai, pekerja, wakil, dan ejennya (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat untuk Kempen ini), tidak akan bertanggungjawab atau menerima liabiliti berkaitan Kempen ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada anda atau pihak ketiga, kecuali jika berlaku kecuaian berat atau salah laku yang disengajakan oleh GXBank berkaitan Kempen ini.

5.7 GXBank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan teknikal, gangguan, atau kesilapan (elektronik atau manusia) dalam pentadbiran atau pemprosesan transaksi melalui aplikasi mudah alih GXBank ("**GX App**").

5.8 GXBank tidak bertanggungjawab atas salah tafsiran atau penyampaian fakta yang salah oleh pihak ketiga yang tidak sah mengenai Kempen ini dalam mana-mana media, pemasaran, atau bahan pengiklanan.

5.9 Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana pengiklanan atau bahan promosi berkaitan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diutamakan.

5.10 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan, atau menamatkan Kempen ini, sebahagian atau sepenuhnya, pada bila-bila masa sebelum tamatnya Tempoh Kempen. Pemberitahuan akan diberikan melalui laman web GXBank di gxbank.my/notices, melalui GX App, atau dengan kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank. Sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen oleh GXBank tidak akan melayakkan anda untuk sebarang tuntutan atau pampasan untuk kerugian atau ganti rugi yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan ini.

5.11 GXBank juga berhak untuk menambah, mengubah, atau meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa, dengan memberikan pemberitahuan terlebih dahulu melalui laman web GXBank di gxbank.my/notices, atau GX App.

5.12 Anda bersetuju untuk menyemak secara berkala laman web GXBank untuk sebarang kemas kini mengenai Kempen ini dan Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pemberitahuan daripada GXBank yang berkaitan dengan Kempen. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan penjelasan mengenai Kempen atau Terma dan Syarat ini, sila hubungi wakil sah GXBank.

5.13 Terma dan Syarat ini dikawal selia serta ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

5.14 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini dan versi dalam bahasa lain (termasuk Bahasa Malaysia), versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

5.15 Untuk sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai Kempen ini, sila hubungi kami melalui fungsi sembang langsung dalam Aplikasi GX, hubungi pasukan Khidmat Pelanggan kami di +603 7498 3188, atau emel kami di ask@gxbank.my.